

18 FEB 2003

Sukan-Hafiz (Hishammuddin)

KEJAYAAN HAFIZ BABITKAN PERANCANGAN DAN USAHA GIGIH BANYAK PIHAK

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan tidak dapat menyekat sekiranya ada pihak yang ingin menawarkan ganjaran kepada pemain badminton negara, Mohd Hafiz Hashim atas kejayaannya memenangi kejohanan Seluruh England.

Menterinya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata apa yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahthir Mohamad supaya beliau (Hafiz) tidak dimanjakan dengan pelbagai ganjaran adalah demi kebaikan pemain itu sendiri.

Menurutnya, Hafiz yang masih muda mempunyai potensi besar untuk maju lebih jauh dan berharap pemain itu tidak terpengaruh dengan ganjaran oleh pelbagai pihak hingga boleh menjejaskan prestasinya.

"Bagi kementerian, beliau akan diberikan insentif biasa sebagai pemain negara. Tapi yang lebih penting beliau perlu faham bahawa sokongan 23 juta rakyat Malaysia sentiasa bersamanya. Sokongan adalah ganjaran yang tinggi nilainya dan tidak dapat dinilai dengan wang ringgit," katanya dalam sidang berita selepas menerima tandatangan sokongan kempen sejuta tandatangan anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia di sini hari ini.

Ahad lepas, Hafiz mengejutkan persada badminton negara apabila muncul juara Seluruh England, selepas kali akhir pemain negara menjadi juara 37 tahun lepas.

Hishammuddin berkata beliau sendiri bersama rakyat Malaysia yang lain akan menyambut kepulangan Hafiz di lapangan terbang sebagai tanda penghargaan di atas kejayaannya itu.

Beliau seterusnya memperakui usaha gigih jurulatih Misbun Sidek yang menyumbang kepada kejayaan Hafiz, disamping memberi penghargaan kepada jurulatih sebelum ini yang turut sama menyumbang ke arah pembangunan sukan badminton negara.

"Memang kita tidak nafikan kebolehan Misbun, tapi kejayaan bukan bergantung kepada individu semata-mata. Ia perlu perancangan bertahun-tahun lamanya," kata beliau.

Disamping itu, beliau juga memperakui usaha gigih jurulatih sebelum ini yang turut sama menyumbang kepada pembangunan badminton negara.

-- BERNAMA

AZH ZB